

PRIYAYI DAN PENDIDIKAN MENJELANG 1900

Oleh
AHMAT ADAM

ISTILAH priyayi berasal dari ungkapan *para yayi* yang bermakna saudara-saudara lelaki dan perempuan raja.¹ Mengikut Soemarsaid Moertono, istilah priyayi ini merujuk kepada kelas sosial punggawa-punggawa raja; dari masa ke semasa kelompok ini secara beransur-ansur merangkumi sanak-saudara dan waris-warisnya.² Satu ciri penting bagi kelompok ini ialah perkhidmatan kepada raja. Seandainya seseorang itu bukan seorang punggawa kemasukannya kedalam kelas priyayi bergantung kepada adanya hubungan darah yang rapat dengan golongan diraja. Justru itu, lebih tinggi kedudukan seseorang itu (bangsawan) dalam hirarki diraja maka lebih panjang pula jurai keturunannya dimasukkan kedalam kelompok ini. Perbedaan status ditentukan oleh gelar yang dipakai; misalnya seorang putera raja memakai gelar Gusti atau Gusti Pangeran sedangkan seorang yang pertalian ke-keluargaannya sudah agak jauh digelar Raden. Pada zaman Mataram, kelas priyayi ini berkedudukan di antara raja dan putera-putera diraja dengan rakyat jelata. Kelompok ini dapat dibedakan dari kelompok rakyat jelata dengan melihat beberapa sifat budaya. Kaum priyayi adalah lebih halus sifatnya dan mempunyai minat dalam kesusastraan, kesenian dan fikiran-fikiran yang abstrak yang berbentuk falsafah atau mistik. Jawatan atau tugas yang mereka laksanakan pun menunjukkan keistimewaan kedudukan mereka itu. Mereka berkhidmat kepada 'gusti' (*master*) mereka dan khidmat-khidmat ini merangkumi banyak lapangan, dari menjadi menteri atau patih di keraton, penasihat hingga ke jawatan penulis/penyalin, penyair atau penterjemah.

Tarikh 1830 bolehlah dianggap sebagai zaman permulaan bagi Belanda memperkuuh atau mengkosolidasikan pemerintahan kolonialnya di Jawa. Tetapi peranan golongan priyayi ini dalam konteks memberikan khidmat kepada raja seperti yang kedapatan dalam zaman Mataram telah dilanjutkan – hanya kali ini 'raja' itu ialah Belanda sendiri yang kerajaannya diwakili oleh Governor General di Betawi. Dengan mewujudkan suatu perkhidmatan awam peribumi (*native civil service*) sebagai sebahagian daripada jentera pentadbiran pemerintahan kolonial,³ Belanda telah meneruskan peranan priyayi di zaman kerajaan Mataram sebagai pemerintah kerajaan (*rulers of the realm*). Golongan para pentadbir peribumi ini diberi nama Pangreh Praja iaitu sesuai dengan nama yang sama yang dipakai dalam zaman

¹ Savitri P. Scherer, "Harmony and Dissonance: Early Nationalist Thought in Java", M.A. thesis (Cornell, 1975), mengutip dari Sosodihardjo, h. 22.

² Soemarsaid Moertono, *State and Statecraft in old Java: a Study of the later Mataram period, 16th to 19th century* (Cornell University Modern Indonesia Project, Interior Reports Series) Ithaca, 1958, h. 95.

³ Selari dengan ini ialah perkhidmatan awam yang diisi hanya oleh pegawai-pegawai Belanda. Mereka ini tergolong kedalam *Binnenlandsche Bestuur* (B.B.) atau Pentadbiran Dalam Negeri.

Mataram untuk merujuk kepada "para punggawa diraja bagi perkhidmatan luar"⁴ Walaupun pada mata rakyat jelata peribumi golongan pangreh praja itu adalah amat disegani malah ditakuti, namun pada mata Belanda mereka itu hanyalah "*Inlandsche bestuur*" (pegawai tadbir bumiputera) yang dari segi kuasa dan statusnya lebih rendah dari pegawai B.B. Eropah (Belanda). Mereka itu, seperti kata Sutherland, hanyalah jambatan di antara pihak Eropah dengan pihak peribumi umumnya. Mereka merupakan rantai yang menghubungkan zaman silam kerajaan Jawa dengan zaman baru — yakni abad ke 19 dan ke 20.⁵ Peranan dan kedudukan mereka juga agak pelik — kerana di satu segi mereka itu merupakan alat atau agen Belanda tetapi di satu segi yang lain pula mereka itu adalah ketua-ketua politik atau kaum elita rakyat peribumi. Malahan, orang-orang Jawa sendiri menganggap mereka itu sebagai golongan yang perlu dihormati dan dimuliakan. Tegasnya mereka dipandang sebagai ningrat (aristokrat).

Dengan konsolidasi pemerintahan kolonial Belanda selepas 1830, peranan golongan priyayi sebagai "punggawa pemerintah" (*officials of the rulers*) tidak mengalami perubahan yang berarti. Pada pertengahan abad ke 19 itu kedapatan kelompok priyayi itu lebih membesar. Kalau pada zaman terawalnya keturunan dan darah kebangsawan itu menjadi ciri utama, tetapi ini telah ditentukan lagi oleh status dan jawatan pentadbiran yang dipegang. Namun kiranya seseorang priyayi itu bukan berketurunan bangsawan hubungannya dengan golongan ningrat tentulah agak sulit.⁶ Pada zaman keparuhan kedua abad ke 19 istilah *priyayi* juga dipakai untuk merujuk kepada orang-orang yang memegang jawatan perkeranian, jaksa atau pendakwa raya, pemungut-pemungut cukai dan guru. Kemasukan kumpulan-kumpulan ini kedalam golongan priyayi adalah akibat dari pendidikan yang disamping diberikan kepada golongan bangsawan atasan tetapi ada juga sedikit-sedikit anak-anak orang-orang yang mempunyai hubungan dengan golongan bangsawan.

Kemasukan pelajaran Barat di Indonesia sudah bermula sejak pertengahan abad ke 16 tetapi sekolah-sekolah Barat ini telah didiri dan dikendalikan oleh mualigh-mualigh Keristen dari Mazhab Katholik dan juga Calvinis. Pelajaran bahasa Melayu ditekankan dan pendidikan agama Keristen dikembangkan melalui sekolah-sekolah ini yang kebanyakannya terdapat di pulau-pulau Minahassa. Usaha kerajaan Belanda secara langsung mendirikan sekolah-sekolah hanya bermula pada tahun 1848 bilamana Titah Diraja tanggal 30 September, 1848, No. 95 memperuntukkan belanjawan sejumlah f.25,000 setahun untuk menubuhkan sekolah-sekolah bagi orang Jawa dengan maksud khusus buat melatih pegawai-pegawai

⁴ Soemarsaid Moertono, *op. cit.*, h. 38.

⁵ Heather Sutherland, *The Making of a Bureaucratic Elite*, Asian Studies Association of Australia Publication Series, Heinemann Educational Books (Asia) Ltd., Kuala Lumpur, 1979, h. 1.

⁶ *Ibid.*, h. 27. Menurut Sutherland, "the priyayi were not a purely birth-based caste, their status was also determined by administrative position."

pentadbiran awam pribumi.⁷ Sebenarnya sejak 1838 lagi ahli philologi, Gericke telah memohon izin dari Raja Belanda agar dibenarkan Persatuan Injil Nederland menubuhkan sekolah-sekolah untuk orang Jawa dan permohonan itu telah diluluskan dalam tahun 1839. Namun perlaksanaannya tertangguh dengan alasan bahawa perbendaharaan kerajaan Hindia Timur belum lagi mampu untuk memberikan biaya kepada Persatuan Injil itu. Tetapi justru kerana Belanda memerlukan juga orang-orang yang tahu menulis dan membaca untuk menjadi pegawai-pegawai yang melaksanakan Sistem Kultur maka keperluan itu lantas mendorong Menteri Tanah Jajahan, J.C. Baud mengeluarkan arahan pada tahun 1845 supaya segera ditubuhkan sekolah-sekolah bagi anak-anak pembesar Jawa yang bakal mengganti bapanya mereka sebagai priyayi yang berkhidmat kepada kerajaan. Mengikut Baud, sukanan pelajarannya harus merangkumi pengajaran

- i) membaca dan menulis dalam bahasa Jawa dan Sunda ataupun bahasa Melayu jika diperlukan;
- ii) pengetahuan asas ilmu kira-kira dan penggunaan dacing dan timbang;
- iii) ilmu alam tanah Jawa dan negeri-negeri jirannya;
- iv) ukurtanah dan 'levelling' amali.⁸

Menjelang 1864 anak-anak priyayi Jawa telah mula digalakkan memasuki Sekolah Rendah Awalan (*Elementary Lagere School*).⁹ Tetapi tidak ramai yang berpeluang ke sekolah kerana bayaran yuran terlalu tinggi, yakni f.15, sebulan; sedangkan anak-anak Eropah hanya dikenakan f.8, sebulan dan anak-anak Eropah yang ibu bapanya berpendapatan kurang dari f.150, sebulan tidakpun di-

⁷ Pada tahun 1849 telah dilaporkan bahawa terdapat 34 orang anak-anak priyayi (atasan) di sekolah-sekolah rendah kerajaan. Lihat Kroeskamp, *Early Schoolmasters in a Developing Country*, Van Gorcum The Netherlands, 1974, h. 27 dan h. 299. Menurut maklumat yang diperolehi dari *Taman Pengadjar*, dalam tahun 1849 ada 2 buah 'Sekolah Kabupaten' dan bilangannya meningkat ke 15 dalam tahun 1852.

Dalam tahun 1852 juga terdapat sebuah sekolah guru di Surakarta. Lihat *Taman Pengadjar* No. 10, 15 April, 1901, h. 290.

⁸ Kroeskamp, *op. cit.*, hh. 298 dan 300.

⁹ Minat kaum priyayi terhadap pelajaran Barat (berbahasa Belanda) mendapat galakan kerana selepas tarikh 1864 jawatan-jawatan yang lebih tinggi dalam perkhidmatan awam telah dibuka untuk orang-orang Indo-Eropah dan peribumi menjawatnya. Pada tahun 1864 juga kerajaan Belanda telah menarik balik syarat yang membataskan belanjawan untuk sekolah-sekolah bagi peribumi tidak melebihi angka fl. 25,000.

kenakan apa-apa bayaran.¹⁰ Justru kerana itu tidaklah mungkin ramai anak priyayi Jawa masuk ke sekolah Belanda. Oleh kerana bayaran sekolah ditentukan atas dasar jumlah pendapatan ibu bapa dan kalau naik ke darjah yang lebih tinggi yurannya pun turut naik, maka paling-paling anak seorang Assiten Wedono saja yang berpeluang ke sekolah Belanda kerana gaji yang paling tinggi boleh dicapai oleh seseorang priyayi yang bukan keturunan ningrat ialah f.200, sebulan. Seorang doktor Jawa menerima gaji diantara f.70, hingga f.150, sebulan manakala seorang pengajar bangsa peribumi di sebuah sekolah guru (*kweekschool*) dibayar gaji sebanyak diantara f.100, dan f.200. Hanya seorang bupati yang boleh menerima pendapatan sebanyak f.1000, sebulan. Untuk seseorang anak priyayi memasuki sekolah rendah Belanda satu perkara yang menyulitkan ialah syarat yang dikenakan kepada anak-anak peribumi iaitu mereka perlu sudah menguasai bahasa Belanda "dengan baik" ketika berusia 6 tahun sebelum diberi tempat bersekolah — satu hal yang sukar atau tak mungkin.

Namun demikian tahun-tahun 1860an menampakkan perhatian yang lebih telah ditumpukan oleh pemerintah Belanda terhadap pendidikan di Hindia Belanda. Pada tahun 1867 sebuah 'kementerian' yang diberi nama "Departemen Pendidikan, Agama dan Industri" telah ditubuhkan. Departemen ini mendapat sokongan yang kuat dari para mualigh (*zending*) Keristen yang sememangnya merasa perlu bahawa pendidikan cara Barat itu amat penting bagi mendedahkan bangsa Indonesia kepada kebudayaan Keristen [Barat]. Walau bagaimanapun, ternyata sekali pendidikan untuk kaum peribumi amat lambat berkembang. Hanya baru pada tahun 1871 pemerintah mengambil langkah untuk menambah lagi peluang bersekolah bagi anak-anak priyayi. Melalui Titah (*decree*) Pendidikan Asas 1871 itu pemerintah telah mengarahkan penubuhan sekolah-sekolah untuk anak-anak Indonesia baik di Jawa maupun di pulau-pulau luar. Namun demikian menjelang 1874 telah wujud hanya

¹⁰ Yuran sekolah bagi sekolah-sekolah Jawa yang didirikan oleh pemerintah di Jawa dan Madura adalah seperti berikut:

Darjah	Yuran yang mesti dibayar bagi satu bulan		
	seorang murid	dua orang murid	jika lebih dari dua
Darjah 1	f.3, —	f.4,50 seorang	f.0,75 seorang
Darjah 2	f.2, —	f.3, — seorang	f.0,50 seorang
Darjah 3	f.1,50	f.2,25 seorang	f.0,37 seorang
Darjah 4	f.1, —	f.1,50 seorang	f.0,25 seorang
Darjah 5	f.0,75	f.0,75 seorang	f.0,12 seorang
Darjah 6	f.0,25	f.0,37 seorang	percuma
Darjah 7	percuma	percuma	percuma

Nampaknya pemerintah Belanda menggalakkan anak-anak Jawa bersekolah kerana yuran sekolah bertambah kurang jika sesebuah kelas itu mempunyai lebih murid. Ibu bapa yang mempunyai anak lebih dari seorang dalam satu darjah dikurangi bayarannya. Lihat *Selompret Melajoe*, 29 Ogos 1874.

empat buah sekolah-sekolah Jawa di keresidenan Surabaya.¹¹ Sambutan dari ibu bapa Jawa belum begitu memuaskan. Bilangan guru-guru yang terlatih juga amat kecil. Di setiap sekolah guru (*kweekschoo*) hanya terdapat kira-kira lima puluh orang pelajar calun guru.¹² Untuk mengeluarkan guru-guru yang berkelayakan tinggi pemerintah Belanda telah cuba menghantar beberapa orang lulusan sekolah guru ke negeri Belanda.¹³ Calun-calun guru bertauliah ini dipilih atas dasar kefasihan mereka dalam bahasa Belanda. Sekembalinya mereka ke Hindia Belanda mereka ditugaskan untuk mengajar di Darjah-darjah tiga, empat dan lima di sekolah-sekolah latihan guru.¹⁴

Menjelang tahun 1882 bilangan sekolah-sekolah di Jawa telah meningkat ke angka tiga ratus buah dan sebanyak empat ratus pula di luar pulau Jawa. Bilangan murid-murid pula ialah kira-kira 40,000 orang. Kemelesetan bilangan murid-murid di sekolah dan kedinginan sambutan dari ibu bapa telah dijelaskan oleh seorang guru sebagai disebabkan oleh masalah tempat tinggal lantaran sekolah-sekolah itu biasanya sangat jauh dari rumah mereka. Lain-lain sebab ialah soal makanan dan kesihatan dan juga kebiasaan para murid itu terlalu kerap balik ke rumah masing-masing yang juga menyebabkan kemajuan mereka dalam pelajaran sukar dicapai.

Di samping masalah-masalah diatas boleh dikatakan agak sukar dinafikan bahawa lembabnya kemajuan pelajaran anak-anak peribumi dan jeleknya keadaan sekolah-sekolah mereka adalah justru kerana usaha yang tidak begitu bersungguh-sungguh di pihak pemerintah Belanda sendiri terhadap percubaan untuk membina lebih banyak sekolah-sekolah untuk anak peribumi. Pemerintah bukan sahaja terlalu bergantung kepada usaha-usaha mubaligh (*zending*) dalam penyibaran pendidikan Barat tetapi juga terlalu lokek dalam mengeluarkan wang untuk membiayai pendidikan anak-anak peribumi. Bahkan banyak pula sekolah-sekolah peribumi telah didirikan oleh orang peribumi sendiri tanpa kemudahan-kemudahan yang asas serta guru-guru yang terlatih. Setengah-setengah bangunan sekolah pun disewa dan tidak didirikan oleh pemerintah.¹⁵ Ada diantara sekolah-sekolah itu diuruskan oleh

¹¹ *Selompret Melajoe*, No. 35, 29 Ogos 1974. Tulisan-tulisan Rumi dan Jawi telah diajar di sekolah-sekolah ini disamping pelajaran Ilmu Alam, Ilmu Kira-Kira dan Bacaan. Guru-guru-nya pun terdiri dari orang Jawa.

¹² *Selompret Melajoe* No. 52, 28 Disember 1872.

¹³ Pada tahun 1874 empat orang peribumi yang lulus dari *kweekschoo* telah dihantar ke Nederland untuk mengikuti kursus perguruan. *Selompret Melajoe*, No. 14, 4 April, 1874. Pada tahun 1877 tiga orang lagi anak negeri telah dihantar, seorang dari Padang, dan dua dari sekolah guru di Magelang. Mereka itu kemudiannya disusuli oleh dua orang guru pelatih dari Menado. *Selompret Melajoe*, No. 20, 12 Mac 1881.

¹⁴ *Ibid.*

¹⁵ *Selompret Melajoe*, No. 38, 12 Mei 1877.

jawatankuasa yang terdiri dari para Wedono.¹⁶

Dalam semua sekolah-sekolah peribumi itu bahasa Melayu-Riau diajarkan, bahkan digunakan sebagai bahasa pengantar baik di sekolah pemerintah maupun di sekolah *zending*. Di sekolah-sekolah pemerintah kenaikan pangkat para guru bergantung kepada kemampuannya menguasai bahasa Melayu yang baik. Ini menimbulkan rasa tidak senang di kalangan setengah-setengah pihak guru yang menganggap bahawa syarat bahasa Melayu ‘yang baik’ itu akan menjadi penghalang dalam usaha menyibarkan pendidikan di kalangan bangsa peribumi.¹⁷

Kesedaran bahawa pelajaran itu penting bagi kemajuan anak negeri tetapi keadaan di sekolah-sekolah mereka tidak begitu memuaskan telah membangkitkan perbincangan di kalangan para priyayi ‘rendah’ pada deked-deked terakhir abad ke 19. Para priyayi itu menulis dalam surat-surat kabar dan majalah-majalah berbahasa peribumi tentang pelajaran dan kemudahan-kemudahan yang ada bagi anak-anak priyayi khususnya dan anak-anak bangsa peribumi umumnya. Bahkan ada yang menimbulkan persoalan sama ada pelajaran itu baik atau berguna untuk diberikan kepada anak-anak bangsa peribumi umumnya atau hanya patut diberikan kepada anak-anak bangsawan dan golongan priyayi sahaja.¹⁸ Namun demikian, dapat dikatakan bahawa selepas tahun 1870 soal pelajaran peribumi menjadi isyu atau thema utama dalam perbincangan dan tulisan-tulisan di akhbar-akhbar. Kesedaran terhadap peningkatan mutu dan kemudahan pelajaran bagi bangsa peribumi itu begitu jelas kelihatan pada period ini hingga perbincangan-perbincangan itu juga menimbulkan saranan dari beberapa pihak guru agar persatuan guru-guru didirikan terutama buat mengatur kegiatan guru dan pelajaran serta pengurusan sekolah-sekolah Jawa.¹⁹ Juga soal pendidikan untuk anak-anak perempuan telah dibangkitkan di dalam surat-surat kabar dan majalah berbahasa peribumi dalam deked-deked terakhir abad ke 19. Tetapi syak wasangka dan kesusilaan adat yang menganggap percampuran anak-anak perempuan dan lelaki “tidak manis” pada pandangan masyarakat menyebabkan ibu bapa segan atau berat untuk menyekolahkan anak-anak perempuan mereka. Betapapun demikian hakikatnya namun jangkawaktu tahun-tahun 1870an ternyata telah menyingkap satu babak baru dalam sejarah pendidikan peribumi di Indonesia kerana pada tahun-tahun tersebut, permulaan

¹⁶ *Ibid*

Di Sumatra berlaku kejadian dimana dalam tahun 1873 pemerintah mengeluarkan perintah supaya beberapa sekolah anak negeri (*Inlandsche scholen*) diberi pengiktirafan dan ditukar menjadi sekolah pemerintah. Tetapi sekolah-sekolah yang diuruskan oleh mubaligh dikekalkan pada status yang sama.

¹⁷ *Selompret Melajoe*, No. 80, 6 Oktober, 1877.

¹⁸ Pandangan semacam ini menampakkan gejala iri hati dan rasa khuatir golongan priyayi (apa lagi kalau dari kelompok atasan) kalau-kalau rakyat biasa melalui pendidikan akan dapat mencapai kedudukan atau status yang sama dengan mereka. Pandangan yang sedemikian ini berlarutan hingga ke tahun-tahun selepas lahirnya Budi Utomo.

¹⁹ *Selompret Melajoe*, No. 46, 9 Jun 1877.

telah dirintis untuk memberikan pelajaran Barat kepada anak-anak gadis, walaupun dari segi bilangannya mungkin kecil.

Ketaksuhan terhadap pelajaran cara Barat di kalangan para priyayi (khususnya kaum guru) nampaknya makin menelorkan kesedaran dan usaha untuk mengembangkan pelajaran itu dan keperluan pemerintah Belanda mendapat tenaga peribumi yang bersekolah untuk mengisi jawatan-jawatan rendah dalam sistem pentadbiran kolonial menjadi pendorong yang kuat bagi bangsa peribumi untuk menyekolahkan anak-anak mereka. Dua dekad terakhir abad ke 19 juga menampakkan keghairahan para priyayi menggalakkan orang-orang peribumi belajar bahasa Belanda. Kesedaran mementingkan pelajaran Barat dan bahasa Belanda ini sesungguhnya mendapat sokongan dari beberapa orang pendidik Belanda di Jawa yang memang secara jujur ingin melihat pelajaran Barat itu dikembangkan di kalangan anak-anak Jawa terutamanya dari keluarga priyayi. Di samping itu penyiaran kesedaran pelajaran juga dilakukan dengan amat menyolok oleh surat-surat kabar dan majalah berbahasa peribumi (Melayu dan Jawa).

Kerancakan dalam usaha mengembangkan pendidikan dan menuntut agar lebih banyak kemudahan persekolahan diberikan kepada bangsa anak negeri telah mendorong beberapa orang Belanda untuk mengusahakan pengeluaran jurnal-jurnal pendidikan bagi kegunaan sebagai bahan bacaan untuk pelajar-pelajar sekolah guru di Jawa dan juga masyarakat guru peribumi umumnya. Pada bulan Januari 1887 telah lahir jurnal guru-guru yang pertama-tama di Hindia Belanda dengan menggunakan bahasa Melayu-Riau atau apa yang dinamakan bahasa Melayu tinggi yang menjadi bahasa *standard* bagi sekolah-sekolah dan sekolah-sekolah guru yang ditaja oleh pemerintah Belanda di Indonesia. Jurnal itu dikendalikan oleh P. Schuitemaker, seorang pencetak di Probolinggo.²⁰ Jurnal yang diberi nama *Soeloeh Pengadjar* itu diterbitkan secara bulanan dan disunting oleh Raden Sosro Danoekoesoemo. Tetapi majalah ini berhenti terbit pada awal tahun 1894 akibat kerugian yang dialami oleh penerbitnya apabila ramai para pelanggan tidak menjelaskan yuran langganan mereka.²¹ Pengunduran diri *Soeloeh Pengadjar* walau bagaimanapun telah tidak mendinginkan semangat P. Schuitemaker untuk mengeluarkan sebuah jurnal pendidikan yang lain pula yang diberi nama *Matahari Terbit*. Jurnal yang kedua ini juga dicetak di percetakan P. Schuitemaker dan lahir pada pertengahan tahun 1895. Sambutan dari golongan guru-guru dan pelajar-pelajar di *kweekschool* di Probolinggo nampaknya menggalakkan kerana menjelang 30 November 1895 bilangan pelanggan jurnal ini telah mencapai angka 1400 orang pembaca. P.

²⁰P. Schuitemaker mempunyai seorang saudara yang terlibat dalam pendidikan, bernama L.F. Tuijl Schuitemaker. Beliau memegang jawatan *Hoofd-onderwijzer* (guru kepala) di sekolah guru di Probolinggo sejak 28 Mei 1879. Pada waktu *Matahari Terbit* dikeluarkan beliau memegang jawatan *Directeur* atau Pengarah *kweekschool* tersebut.

²¹Menurut L.K. Harmsen (yang menjadi redaktur *Matahari Terbit*) pada mulanya ada kira-kira 1,500 orang pembaca yang berjanji hendak terus menjadi pelanggan tetap majalah itu tetapi setelah dikirimi majalah itu setiap bulan ternyata kira-kira 300 orang pelanggan telah tidak menjelaskan hutang langganan mereka setelah enam bulan berlalu. Daripada bilangan yang sudah berjanji akan menjadi pelanggan tetap pula, hanya 572 orang yang melunaskan yuran langganan untuk setahun penuh. Ini menyebabkan penerbit tidak dapat menutup biaya pengeluaran jurnal itu. Lihat *Matahari Terbit*, No. 8. 1897.

Schuitemaker, dalam pada itu, menyatakan harapannya kalau boleh biarlah angka itu meningkat ke 2,000 orang kerana bilangan pembaca atau pelanggan yang terlalu kecil akan menyulitkan ia menampung ongkos percetakan dan pengeluaran, seperti mana yang telah dialami dengan *Soeloeh Pengadjar*.²²

Majalah *Matahari Terbit* disunting oleh L.K. Harmsen dan F.C. Bousquet.²³ Ia mengandungi 24 halaman yang didalamnya termuat karangan-karangan yang berbentuk pelajaran, pengetahuan am dan hiburan yang merupakan salinan bahagian-bahagian dari hikayat-hikayat. Ianya jelas cuba memenuhi selera pembaca-pembaca bukan saja dari golongan guru tetapi juga dari para priyayi lain (atasan atau rendah). Melihat nama-nama dan tempat wakil-wakil penjual jurnal itu, maka dapat diduga *Matahari Terbit* besar kemungkinannya sampai juga ke daerah-daerah seperti Sulawesi, Kalimantan, Sumatra, Ambon, Menado, Bali-Lombok, Timor dan Singapura.²⁴

Tetapi masalah pelanggan yang liat membayar yuran langganan secara berterusan dan tanpa berhutang adalah satu penyakit yang selalu mengancam nyawa sesebuah penerbitan.²⁵ Demikianlah halnya dengan *Matahari Terbit* yang ternyata terpaksa "gulung tikar" menjelang pertengahan 1897. Kehilangan jurnal ini dan jurnal terdahulu darinya ternyata merupakan satu kerugian kepada para guru di Jawa. Kekurangan bahan bacaan yang baik terutamanya yang menyangkut dengan soal-soal pendidikan di sekolah dan *profession* guru itu sendiri dirasakan sangat. Mujurlah pada 1899 muncul jurnal guru-guru yang diberi nama *Taman Pengadjar* yang dicetak di firma G.C.T. van Dorp di Semarang untuk menyambung usaha memupuk minat terhadap pendidikan dan memberi kemudahan kepada kaum guru untuk bertukar-tukar fikiran melalui tulisan-tulisan mereka. *Taman Pengadjar* mulai terbit pada bulan Mei 1899 dan sempat hidup hingga ke tahun 1912. Ianya dipimpin oleh P. Vermeulen²⁶ selaku ketua redaktur, dan beberapa orang pendidik bangsa peribumi yang buat pertama kalinya muncul sebagai anggota-anggota badan

²² *Matahari Terbit*, No. 1, 1895.

Agak aneh, penerbit tiada menyatakan bulan atau tarikh terbitnya setiap keluaran jurnal ini. Hanya tahun dan nombor keluaran dinyatakan.

²³ L.K. Harmsen pernah menjadi "guru kepala" atau "pengajar besar" (*hoofd leraar*) di Sekolah Latihan Guru (*kweekschool*) di Padang Sidempuan, di Tanah Batak. Manakala F.C. Bousquet pula ialah seorang Indo-Eropah yang sudah lama berkecimpung dalam bidang kewartawan. Beliau berasal dari Surabaya. Lain-lain orang yang duduk dalam lembaga redaksi *Matahari Terbit* ialah F.B. Nunnink, seorang guru kanan di Sekolah Priyayi di Probolinggo, Raden Kamil, seorang "guru bantu" di sekolah priyayi di Magelang, J. de Bruin Mgzn., seorang peguamcara di Probolinggo dan J.N. Labaar, seorang bekas Penolong Residen.

²⁴ Harga langganan bagi satu tahun ialah f.3,50 (termasuk belanja pos) kalau di Jawa dan Madura dan f.3,75 kalau di luar pulau Jawa.

²⁵ Masalah ini adalah yang paling besar yang harus dihadapi oleh penerbit dan pencetakan kerana mendapatkan pelanggan bukanlah satu hal yang mudah. Dalam abad ke 19, kiranya seseorang penerbit boleh mendapatkan 800 orang pelanggan tetap untuk suratkhabar yang diterbitnya pun sudah boleh dikatakan lumayan dan suratkhabarnya itu boleh hidup lama.

²⁶ P. Vermeulen memegang jawatan *hulponderwijzer* (guru bantu) di *kweekschool* di Yogyakarta sejak 18 Mac 1897.

redaksi bagi sebuah jurnal pendidikan. Mereka ini ialah: Mas Boediardjo, Mas Soerja, Mas Abdoellah dan Mas Ngabehi Dwidjasewaja.²⁷

Dalam satu rencana pengarang pada keluaran pertama jurnal itu, para pembaca diberi tahu bahawa adalah menjadi harapan pengarang agar *Taman Pengadjar* yang diibaratkan sebagai sebuah "kebun bunga-bungaan" akan

menjadi soeatoe taman jang maha permai tempat goeroe-goeroe datang berhimpoen berbitjarakan ilmoe kepandaian dan peri hal djalan mengadjar dan beberapa perkara jang patoet diketahoei pada melakoekan wadjibnya....²⁸

Sesungguhnya, *Taman Pengadjar* telah menjadi jurnal untuk kaum guru dan bakal guru yang sangat berfaedah. Isi kandungannya telah disesuaikan untuk menarik minat golongan guru-guru dan juga para priyayi yang cenderung membahaskan soal-soal pendidikan.²⁹ Kepada para priyayi itu *Taman Pengadjar* cuba membuka mata mereka agar lebih mementingkan soal kemajuan bagi bangsa Jawa dan Madura terutamanya dalam lapangan pelajaran. Pengarang majalah itu menyanggah pendapat setengah-setengah priyayi yang beranggapan bahawa

... sekola itoe tjoema menambahkan roesoeh sadja sebab sebeloemna ada sekola, di desa-desa tiada "toekang korek" (jaitoe orang jang soeka mengadoekan kesalahan kepala desa dan priyayi).³⁰

Pengarang, sebaliknya pula, cuba mengingatkan bahawa sebelum didirikan sekolah banyak kaum punggawa negeri yang tiada dapat membaca dan menulis. Kepada priyayi yang berpendapat bahawa "priyayi-priyayi wajib dapat pengajaran sepatutnya, akan tetapi orang kecil itu tiada perlu", pengarang menjelaskan bahawa hanya dengan pendidikan barulah boleh melahirkan orang yang berpengetahuan yang tentunya mempunyai kelakuan yang baik serta rajin dan cerdik.³¹

²⁷ Penulis belum dapat mencari maklumat tentang Mas Soerja. Tetapi tentang tiga orang lagi itu adalah diketahui bahawa Mas Boediardjo memegang jawatan *hulponderwijzer* di sekolah priyayi di Magelang (Kedoe), sejak 1 Mac 1894. Mas Abdoellah pula mengajar bahasa Melayu di sekolah guru di Yogyakarta sejak 16 Mac 1897. Mengenai Mas Ngabehi Dwidjasewaja pula, beliau adalah seorang mantri guru (guru kanan) yang mengajar bahasa Jawa di *kweekschool* yang sama. Pada tahun 1903 beliau bertugas di daerah Poerwokerto. Mas Boediardjo dan Raden Ngabehi Dwidjasewaja terkenal sebagai tokoh-tokoh pengasas *Budi Utomo*.

²⁸ *Taman Pengadjar*, No. 1, 15 Julai, 1899, h. 1.

²⁹ Jurnal itu memuatkan rencana-rencana seperti "Dari hal mengajar membaca dan menulis huruf Arab", "Dari hal mencelis bahasa Melajoe dengan hoeroef Belanda", "Dari hal pelajaran menggambar", contoh soalan untuk masuk ke sekolah guru dan sekolah raja, tentang mendidik anak, tentang ilmu kira-kira dan lain-lain mata pelajaran. Juga turut tersiar ialah berita-berita yang melibatkan soal guru, kenaikan pangkat dan penubuhan persatuan-persatuan guru.

³⁰ *Taman Pengadjar*, No. 1, 15 Julai 1899, h. 41.

³¹ Bupati Demak juga pernah disebut sebagai telah berkata pada kira-kira tahun 1899–1900 bahawa rakyat biasa tidak mahu dan merasa tidak perlu menghantar anak-anak mereka ke sekolah tetapi hanya para priyayi yang ingin menyekolahkan anak-anak mereka. Lihat *Taman Pengadjar*, No. 10, 15 Mei 1908, hh. 293–294.

Menjelang 1900 boleh dikatakan pendidikan menjadi bahan perbualan dan perbincangan kaum priyayi dan mereka yang ingin melihat kemajuan pelajaran bagi bangsa peribumi di Jawa khususnya dan di Hindia Belanda umumnya. Tetapi pandangan dan sikap terhadap persoalan sama ada pendidikan itu perlu untuk semua lapisan masyarakat peribumi di Jawa adalah berbelah bagi. Yang nyata ialah golongan priyayi atasan atau yang lebih lanjut usianya biasanya berpandangan konservatif dan menganggap pendidikan haruslah menjadi *prerogative* kaum priyayi sahaja. Pandangan yang begini kemudiannya menimbulkan polemik yang tak putus-putus diantara golongan priyayi atasan dengan golongan priyayi rendah yang juga diberi nama jolokan "priyayi kecil" sehinggalah selepas Budi Otomo lahir dalam tahun 1908.

Betapapun demikian, di sebalik tuntutan-tuntutan yang diajukan kepada pemerintah supaya taraf pelajaran dan persekolahan peribumi ditingkatkan, perkembangan pendidikan untuk bangsa peribumi pada umumnya adalah lembab dan sangat terbatas. Berikut adalah jadual yang menunjukkan kedudukan bilangan murid-murid di sekolah-sekolah di Jawa dan Madura bagi tahun 1899:³²

Sekolah Pemerintah		Sekolah Swasta		Sekolah Zending	
lelaki	perempuan	lelaki	perempuan	lelaki	perempuan
53,277	8,465	12,047	234	17,617	6,533

Pada tahun 1899 juga terdapat sebanyak 468 buah sekolah dan lima buah sekolah latihan guru (*kweekschool*) untuk peribumi di Jawa dan Madura.³³ Mengingat bahawa jumlah penduduk peribumi di Jawa dan Madura pada penghujung abad ke 19 adalah sekitar dua puluh enam juta, maka dapat disimpulkan bahawa jumlah kanak-kanak yang berpeluang bersekolah pada masa yang sama adalah terlalu kecil sekali. Hal ini makin bertambah menyolok lagi apabila diambil kira bahawa hanya anak-anak dari golongan priyayi sahaja yang berkesempatan mendapat pendidikan corak Barat. Bagi golongan ini pun peluang untuk memasukkan anak-anak mereka kesekolah yang berbahasa Belanda amat terbatas bukan saja kerana yuran sekolah-sekolah Eropah itu terlalu tinggi tetapi juga kerana syarat mengetahui bahasa Belanda sebelum masuk ke sekolah seperti itu amat sukar dipenuhi.³⁴ Dalam abad ke sembilan belas, paling tinggi pendidikan yang dapat dicapai oleh seorang anak

³²*Ibid.*, Taman Pengadjar memetik dari sumber *Vijfjaarlijkschverslag van Inlandsche Onderwijs*, 1900–1905.

³³*Koloniaal Verslag*, 1900. Lihat Vb. 14 Januari, 1901.

³⁴Lihat *Pewarta Priyaji*, Jilid 1, 1900, h. 271. Di sekolah rendah untuk orang Eropah, "Openbare lagere gemenged school voor Europeanen" anak-anak Jawa tidak berpeluang belajar kerana umur yang dibataskan untuk memasukinya ialah tujuh tahun dan pengetahuan awal bahasa Belanda diwajibkan.

peribumi ialah di *School tot Opleiding van Inlandsche Artsen* (STOVIA) atau lebih terkenal di kalangan bangsa peribumi dengan nama Sekolah Dokter Jawa, yang ditubuhkan di Betawi dalam tahun 1851. Menjelang 1900 sekolah ini telah menjadi "Maktab latihan kelas satu".³⁵

Belanda dalam dasarnya memang membahagikan pendidikan rendah untuk peribumi kepada sekolah "kelas satu" dan sekolah "kelas dua".³⁶ Sekolah kelas satu mengandungi enam darjah yang istimewa di peruntukkan bagi anak-anak golongan ningrat atau bangsawan. Manakala sekolah jenis kedua itu, yang banyak terdapat di pekan-pekan kecil, mempunyai empat darjah yang harus dilalui oleh seseorang murid. Tetapi untuk memasuki sekolah latihan guru (*kweekschool*) dan *hoofdenscholen*³⁷ (yakni sekolah priyayi yang memang disediakan untuk anak-anak priyayi atasan dan "orang-orang berbangsa") dan juga sekolah dokter Jawa yang amat sulit dimasuki kerana keterbatasan tempat dan persaingan yang kuat, hanya pelajar-pelajar dari sekolah kelas satu yang berpeluang. Justru itu, dari mana segi pun, peluang sangatlah terbatas dan persayembaraan amat kuat.

Menjelang tahun 1900 perkembangan pendidikan di Jawa itu telah merangsang perubahan yang pada tahun-tahun kemudiannya telah mempercepatkan penghakisan status priyayi atasan itu sendiri. Kedudukan mereka sebagai kaum ningrat tradisional digugat oleh kelompok baru yang walaupun dianggap "priyayi kecil" atau "priyayi rendah" namun justru pendidikan yang diterimanya telah mengajukan tuntutan-tuntutan untuk perubahan bagi masyarakat seluruhnya. Pergeseran antara dua kelompok inilah yang telah melahirkan kegiatan-kegiatan menubuhkan persatuan yang lantas menghasilkan Budi Utomo pada 1908, pertubuhan sosio-budaya yang juga menjadikan pelajaran dan kebudayaan sebagai landasan pergerakannya. Satu hal yang jelas juga ialah istilah *priyayi* itu sudah begitu melentur hingga ianya merangkum kesemua orang yang berpelajaran dan berkhidmat kepada pemerintah.³⁸ Tahun-tahun selepas 1900 menampakkan kebangkitan kelompok priyayi rendah ini dalam menubuhkan persatuan-persatuan sosial untuk membawa perubahan kepada masyarakat di Jawa dan Madura buat mengatur langkah ke dunia baru yang dikatakan "kemajuan".

³⁵P.T. Gerke, "The System of Education in Dutch East Indies", *The Asiatic Review*, Vol. XVII, 1921, h. 537.

³⁶Pembahagian ini berlaku sejak 1893. *Ibid.*, h. 535.

³⁷*Hoofdenscholen* atau sekolah priyayi ini didirikan di Bandung, Magelang dan Probolinggo pada tahun 1878. Bahasa Belanda dijadikan mata pelajaran wajib di sekolah ini dan juga sebagai salah satu daripada bahasa pengantarnya.

³⁸Memegang jawatan pemerintah adalah dianggap "kaprijajen". Lihat *Bintang Timor* No. 123, 28 Mei 1886. Manakala Koesoemo Oetoyo dalam jurnal *Pewarta Prijaji* keluaran Ogos 1900 menggolongkan jawatan-jawatan seperti jurutulis, mandor, mata-mata, pegawai kehutanan, guru-guru, dan sesiapa saja yang lulus dari sekolah anak-anak priyayi (*hoofdenscholen*) serta lulus ujian dalam peperiksaan untuk pegawai rendah atau barang siapa yang telah belajar di sekolah Belanda sampai ke darjah dua kedalam kelompok priyayi.